



**BALAI SENI NEGARA**  
**2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,**  
**53200 Kuala Lumpur.**

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

Email: [pr.artgallery@1govuc.gov.my](mailto:pr.artgallery@1govuc.gov.my)

Website: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)



**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **SIARAN MEDIA**

# **BAUCAR PEMBELIAN KARYA SENI**

## ***"Buy Art Malaysia (BUY)"***

### **BAGI LIMPAHAN SEMULA EKONOMI NEGARA**

**20 Oktober 2021** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Balai Seni Negara sentiasa mengutamakan sinergi dan kelangsungan ekosistem seni di Malaysia bagi memastikan industri seni visual negara terus maju ke hadapan. Sehubungan itu, Balai Seni Negara melancarkan **Program Pemberian Baucar Diskaun Pembelian Karya Seni Visual Keluarga Malaysia** selaras dengan "**Program Aspirasi Keluarga Malaysia**" peringkat MOTAC dengan pemberian baucar diskaun pembelian karya seni visual Malaysia yang bernilai **RM 500.00 dan RM 1,000.00** kepada para peminat seni.

Program pemberian baucar diskaun ini dikenali juga sebagai '**Buy Art Malaysia (BUY)**' bertujuan untuk merancakkan semula industri seni visual tanah air yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Industri seni kini dalam proses pemulihan apabila premis-premis seni telah dibenarkan beroperasi. Tujuan pemberian baucar ini adalah bagi mempercepatkan pemulihan sektor seni dan budaya di Malaysia yang terdiri dari pelbagai ekosistem seni.

Dengan kepesatan ekonomi dan apresiasi dalam seni budaya di Malaysia dan benua Asia. Benua ini turut menggungguli pembelian karya seni setanding Eropah. Malah di Malaysia, sektor seni untuk tahun 2016 sehingga 2021 telah menyumbang sebanyak **RM215,010,000.00 juta** kepada industri kebudayaan dan pelancongan negara.

Bukan itu sahaja, hasil karya seni visual artis tempatan juga telah berjaya mengangkat nama Malaysia ke serata dunia. Antaranya seperti, Pameran Catan Pago-Pago pelukis terkenal Latiff Mohidin di Centre Pampidou, Paris pada tahun 2018, 58<sup>th</sup> International Art Exhibition of La Biennale di Venezia, Italy yang disertai oleh Anurendra Jegadeva, H.H.Lim, Ivan Lam, dan Zulkifli Yusoff. Tidak ketinggalan artis wanita Sharon Chin turut menyertai Singapore Biennale 2019 dan Yee I-Lann di CHAT (Centre for Heritage, Arts and Textile) Hong Kong, serta Pangrok Sulap yang menyertai 4<sup>th</sup> Kochi-Muziris Biennale 2018/2019 serta Aichi Triennale di Jepun. Hal ini jelas menunjukkan bahawa karya seni Malaysia telah mendapat perhatian dan mempunyai permintaan dari dalam dan luar negara.

Kempen **BUY** ini akan melibatkan sebanyak 30 buah galeri swasta/awam bermula daripada **30 Oktober sehingga 20 November 2021** dengan kensep pemberian berdasarkan **Siapa Cepat Dia Dapat**. Para peminat seni boleh mendapatkan baucar diskaun tersebut dan maklumat lanjut berkenaan program ini di laman sesawang Balai Seni Negara di [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**National Art Gallery**

**Sarifah Abu Bakar Ebau**

T: +60 16 494 7921

E: [sarifah@artgallery.gov.my](mailto:sarifah@artgallery.gov.my)

**Wan NorHidayah Wan Idris**

T: +60 17 987 3303

E: [hidayah@artgallery.gov.my](mailto:hidayah@artgallery.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Balai Seni Negara, Malaysia**

**No. 2 Jalan Temerloh, OFF Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur**

**Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998**

**E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)**

# BUY ART Malaysia

**Daftar sekarang  
dan dapatkan**

**23.10 -  
20.11  
2021**



KEMENTERIAN PELABORONGAN,  
SENI & BUDAYA MALAYSIA



بالا سنه نهاره  
National Art Gallery

**RM500 / RM 1,000  
baucar diskaun**

Pembelian karya seni di  
galeri terpilih seluruh negara

Untuk maklumat lanjut :-  
03-4026 7000

Balai Seni Negara  
nationalartgallerymy  
BalaiSeniNegara  
National Art Gallery Malaysia  
nationalartgallerymy  
Balai Seni Negara MY  
#balaisinenegara #nationalartgallery #naglangkawi #NAGMalaysia

Balai Seni Negara Langkawi  
naglangkawi  
NAG\_Langkawi  
naglangkawi@artgallery.gov.my  
www.artgallery.gov.my

BALAI SENI NEGARA  
NATIONAL ART GALLERY  
No.2, Jalan Temerloh,  
Off-Jalan Tun Razak,  
53200 Kuala Lumpur.

Tel: +603. 4026 7000  
Fax: +603. 4026 4987